**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**
**TARIKH: 06 MEI 2014 (SELASA)**

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|---|---|---|
| 1. | MOSTI ambil langkah penting pastikan kemapanan empurau | The Borneo Post Online |
| 2. | BioBorneo 2014 Conference and Exhibition focuses on community development | The Borneo Post Online |
| 3. | Cinta Siber : Pemangsa boleh menyamar | Utusan Malaysia |
| 4. | Dokumentasi tumbuhan ubatan | Harian Metro |
| 5. | Dry spell, poor harvest | The Star |

**BERITA ONLINE**
**THE BORNEO POST ONLINE**
**TARIKH: 06 MEI 2014 (SELASA)**

BORNEO POST online
THE LARGEST ENGLISH NEWS SITE IN BORNEO

# MOSTI ambil langkah penting pastikan kemapanan empurau

Posted on May 6, 2014, Tuesday




Empurau RM750 sekilogram

ASAJAYA: **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** mengambil langkah penting bagi memastikan kemapanan 'Raja Ikan di Sungai Sarawak', empurau.

Kerjasama rapat dengan **Perbadanan Bioteknologi Malaysia Sdn Bhd**, di bawah program perdana tiga tahun, memperuntukkan RM1.5 juta kepada LTT Akuakultur Sdn Bhd pada 2012 untuk menjadi penternak terbesar empurau di Malaysia.

"Kami memberi sokongan penuh dalam industri (empurau) ini kerana ia mampu meraih keuntungan yang tinggi dan menambah pendapatan ekonomi negara kita ke arah Wawasan 2020," kata **Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Diah** kepada pemberita di LTT Akuakultur Sdn Bhd di Sungai Subi, Jalan Asajaya semalam.

Empurau yang berharga RM750 sekilogram untuk saiz melebihi 2kg dan RM650 bagi berat antara 1kg dan 1.5kg menjadi hidangan makanan istimewa di restoran utama di Malaysia, Singapura, Hong Kong dan China.

Beliau juga berkata LTT Akuakultur adalah perintis dalam bidang ternakan Empurau dalam tangki serta memperbaiki kaedah yang digunakan untuk mengeksport ikan segar keluar dari negara ini bagi memenuhi permintaan pembeli.

"Ini adalah jenis inovasi yang kita mahu lihat, satu inovasi dapat memastikan ikan air tawar dapat hidup dalam penerbangan 18 jam dan tidak beku," katanya.

Satu lagi inovasi dengan LTT Akuakultur katanya, kolam konkrit untuk membiak empurau yang merupakan gabungan sistem kolam Jepun dan Inggeris yang membuat pembiakan.

Sementara itu, **Ketua Pegawai Eksekutif Biotechnology Corporation Sdn Bhd Datuk Dr Nazlee Kamal** berkata lebih banyak kajian diperlukan untuk memastikan kemapanan dan kualiti ikan.

"Kami agak bimbang kemapanan empurau kerana terlebih menangkap ikan…kerana ini boleh membawa kepada penduduk semakin kekurangan ikan di dalam sungai," katanya.

Beliau juga mendedahkan bahawa diet empurau ini terdiri daripada buah-buahan engkabang yang dicampur dengan ikan-ikan kecil lain.

Projek-projek mega lain di negeri ini adalah projek akuakultur di Tanjung Manis yang dikendalikan oleh pelabur Taiwan yang telah membelanjakan RM2 bilion bagi projek itu di hab halal utama Sarawak.

Turut hadir dalam lawatan itu Pengarah Urusan LTT Akuakultur Sdn Bhd Bill Lu Thian Tack.

**BERITA ONLINE**
**THE BORNEO POST ONLINE**
**TARIKH: 06 MEI 2014 (SELASA)**

BORNEO POST online
THE LARGEST ENGLISH NEWS SITE IN BORNEO

# BioBorneo 2014 Conference and Exhibition focuses on community development

Posted on May 6, 2014, Tuesday




Azizan (front left) exchanging the MoU with Kopli witnessed by Jabu (fourth right), Abu Bakar (fourth left) and others at the BioBorneo opening ceremony.

KOTA SAMARAHAN: Communitiy development through a bioeconomy agenda was the focus of the BioBorneo 2014 Conference and Exhibition (BioBorneo) which was officiated by Deputy Chief Minister Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu on behalf of Chief Minister Tan Sri Datuk Amar Adenan Satem at Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) yesterday.

This year's theme 'Sustaining the Bioeconomy Community' will see the two-day conference and exhibition, which is held for the second time in the state, cover topics on research advancement, intellectual property and commercialisation potential of biotechnology innovation that will positively impact the community development in Borneo.

In his welcoming address, **Deputy Minister of Science, Technology and Innovation Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah** said that the government hoped that BioBorneo can serve as a platform to disseminate information on research and development as well as the business and investment potentials in bioeconomy.

“Apart from serving as an excellent platform to explore bioeconomy opportunities here, it also provides an avenue for industries and field experts to share ideas, experience and opportunities in bio-related research and business activities,” he said.

Meanwhile, the opening ceremony also witnessed two exchanges of collaboration that will aid in the acceleration of bioeconomy development for Borneo.

The first exchange was a Collaboration Proposal between **Malaysian Biotechnology Corporation’s (BiotechCorp) Technology Management Office** and Koperasi Pembangunan Desa (KPD) for the development of high quality ginger utilising fertigation method and the supply of dried processed ginger.

This collaboration sought to identify and prepare the necessary infrastructure and operational requirements relating to farming of high quality ginger and combining the biotechnological applications and technologies at BiotechCorp’s Supercritical Fluid Extraction (SFE) Facility situated in Universiti Putra Malaysia and KPD’s subcritical HFC Gas Extraction Facility situated at Lok Kawi, Sabah for production of validated and certified high quality ginger extract.

The second exchange was a Memorandum of Understanding (MoU) on promoting the diffusion of knowledge on intellectual property between Unimas and Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO).

Witnessed by Jabu and Abu Bakar, the MoU was exchanged between MyIPO director general Dato Azizan Mohamad Sidin and Unimas deputy vice chancellor (research and innovation) Prof Dr Kopli Bujang in an understanding that both MyIPO and Unimas will be committed to work together closely towards the continuous efforts in promoting the diffusion of knowledge on Intellectual Property (IP).

**Jointly organised by Ministry of Science, Technology and Innovation (Mosti),** Sarawak Biodiversity Centre (SBC), Unimas and BiotechCorp, with support from the Ministry of Modernisation of Agriculture and Department of Agriculture, BioBorneo also featured an exhibition comprising more than 30 exhibitors from various sectors including the government agencies, corporate agencies, research institutions, higher learning institutions as well as those from relevant industries.

Read more: http://www.theborneopost.com/2014/05/06/bioborneo-2014-conference-and-exhibition-focuses-on-community-development/#ixzz30tgJbDh4

**KERATAN AKHBAR**
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 21**
**TARIKH : 06 MEI 2014 (SELASA)**

# Cinta siber: Pemangsa boleh menyamar

**BAHAGIAN 2**

Laporan Khas

Oleh KAMIL MASLIH
pengarang@utusan.com.my

## MUKADIMAH

**KEGIATAN sindiket penipuan cinta internet yang didalangi warga asing tidak hanya menyasarkan rakyat Malaysia malah mangsa di negara lain seperti Singapura dan Australia.**

**Jenayah yang umumnya dilakukan oleh anggota sindiket warga Afrika ini secara tidak langsung memburukkan nama Malaysia di peringkat global kerana negara ini telah dijadikan sebagai pangkalan kegiatan jenayah mereka.**

**Ikuti laporan khas daripada Wartawan Utusan, KAMIL MASLIH yang membongkarkan bagaimana seseorang boleh menjadi mangsa serta kelebihan infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) Malaysia yang disalah gunakan.**

**Turut dipaparkan dalam laporan ini adalah jenayah-jenayah penipuan lain yang turut membabitkan warga asing menggunakan Malaysia sebagai 'sarang' mereka.**

**KUALA LUMPUR** 5 Mei - Kegiatan jenayah siber berleluasa kerana internet membenarkan penggunanya tidak menggunakan identiti sebenar sebaliknya bebas menggunakan mana-mana identiti samaran.

Aspek dalam media sosial itu dimanipulasikan sepenuhnya oleh penjenayah siber untuk menggunakan identiti palsu bagi memperdayakan mangsanya.

Dengan sempadan negara langsung tidak wujud di dalam internet, pengguna internet adalah warga digital yang mudah menjadi mangsa kepada penjenayah-penjenayah licik yang tidak terhad daripada Malaysia semata-mata.

Statistik penipuan internet daripada CyberSecurity Malaysia sahaja sudah cukup menggerunkan dengan 4,485 aduan diterima untuk 2013 iaitu peningkatan berbanding 4,001 kes pada 2012.

Mengenai jenayah penipuan cinta siber, Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia, Dr. Amirudin Abdul Wahab memaklumkan jenayah internet itu juga merupakan antara aktiviti penipuan yang berleluasa di dalam internet dan telah memperdayakan ramai mangsanya.

"Dalam tempoh tiga tahun daripada 2011 hingga 2013, CyberSecurity Malaysia telah menerima 740 aduan mengenai penipuan cinta siber dengan 68 aduan pada tahun 2013, 251 aduan (2012) dan 421 aduan pada tahun 2011," katanya.

Menurut beliau, peranan utama CyberSecurity Malaysia adalah menawarkan kepakaran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) kepada pihak berkuasa termasuk polis dan aduan yang diterima disalurkan kepada pihak berkenaan.



**AMIRUDIN ABDUL WAHAB**

Mengenai penjenayah siber warga asing yang menggunakan Malaysia sebagai pangkalan, Amirudin berkata, infrastruktur ICT di Malaysia adalah jauh lebih maju daripada negara-negara membangun yang lain dan kesempatan itu digunakan oleh penjenayah terbabit.

"Selain itu, masyarakat kita yang sering bersangka baik dan peramah telah menjadi sasaran mudah oleh penjenayah siber untuk mengaut keuntungan daripada penipuan," katanya.

Dalam dunia internet, kata Amirudin, seseorang boleh menjadi sesiapa pun yang dia mahu dan penjenayah merupakan pemangsa yang boleh memiliki seribu wajah serta seribu helah untuk memperdayakan mangsanya.

"Kalau secara konvensional, seorang penipu hanya boleh menipu seorang mangsa dalam satu-satu masa tetapi melalui media sosial, penjenayah itu boleh menipu 20 mangsa dalam masa serentak dengan menggunakan komputer riba tanpa perlu langsung keluar dari rumah," katanya.

Kata Amirudin, buat ketika ini, 'perang' terhadap penjenayah siber tidak menampakkan tanda kemenangan kerana masyarakat seolah-olah tidak mempunyai kesedaran mengenai bahaya dan langkah-langkah keselamatan yang perlu dilakukan dalam internet.

Beliau mendedahkan antara faktor utama jenayah siber berlaku adalah kerana kelemahan manusia sendiri.

Kelemahan sikap mangsa yang terlalu mudah percaya untuk jatuh cinta ataupun ketamakan untuk menyertai skim cepat kaya dan peraduan adalah antara perkara yang membolehkan penipu mengaut keuntungan mudah.

"CyberSecurity Malaysia merupakan agensi pakar keselamatan siber kebangsaan namun memandangkan jumlah jenayah internet yang menunjukkan peningkatan, kami juga terpaksa mengambil inisiatif tanggungjawab sosial bagi membantu meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai keselamatan siber," katanya.

Jelas beliau, orang ramai yang mempunyai aduan keselamatan internet boleh mengajukannya kepada portal Cyber999 di laman *http://www.mycert.org.my*, e-mel *cyber999@cybersecurity.my* serta talian telefon 1-300-88-2999.

### LANGKAH BINA KEINTIMAN OLEH SINDIKET CINTA INTERNET

1. Pengetahuan: Pasangan berkongsi maklumat peribadi serta sejarah hidup
2. Sikap mengambil berat: Pasangan saling mengambil berat antara satu sama lain
3. Saling bergantungan: Pasangan saling memerlukan dan mempengaruhi
4. Perkongsian persamaan: Pasangan berkongsi perkara-perkara disukai
5. Kepercayaan: Harapan pasangan akan sentiasa menjaga dan melayan dengan kasih sayang

- Langkah-langkah membina keintiman ini dipraktikkan sindiket penipuan cinta internet sehingga mangsa jatuh cinta tanpa perlu bersua muka secara fizikal

### STATISTIK PENIPUAN INTERNET

| TAHUN | JUMLAH KES PENIPUAN INTERNET | JUMLAH PENIPUAN CINTA SIBER |
|---|---|---|
| 2011 | 5,328 | 421 |
| 2012 | 4,001 | 251 |
| 2013 | 4,485 | 68 |
| 2014 | 250 | 3 |

*Statistik 2014 adalah sehingga Januari

**SUMBER: Pasukan Respons Kecemasan Komputer Malaysia (MyCERT)

**KERATAN AKHBAR**
**HARIAN METRO (AGRO) : MUKA SURAT V7**
**TARIKH : 06 MEI 2014 (SELASA)**



PESERTA mempelajari penyediaan tumbuhan herba.



LATIHAN yang dijalankan kakitangan FRIM.

# Dokumentasi tumbuhan ubatan

## 325 Orang Asli dilatih kumpul maklumat dan pengetahuan tradisi babitkan 1,303 spesimen herbarium secara saintifik

**Oleh Mohd Sabran Md Sani**
sab@mediaprima.com.my

Bagi berkongsi maklumat hasil penyelidikan, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) akan menghimpunkan 60 Orang Asli yang terbabit dalam projek pendokumentasian pengetahuan tradisi (TK).

Projek TK ini akan dibentangkan Timbalan Ketua Pengarah FRIM, Dr Norini Haron.

Ia terkandung dalam ucaptamanya yang bertajuk 'Pendokumentasian TK: Satu model dunia' pada Seminar Pemuliharaan dan Pemerkasaan Pengetahuan Tradisi 2014 yang akan berlangsungdi Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 23 hingga 24 Mei ini.

Projek bertajuk 'Pendokumentasian Pengetahuan Tradisi Orang Asli Berkaitan Tumbuhan Ubatan dan Beraroma Semenanjung Malaysia' dilaksanakan FRIM di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE).

Pelaksanaannya mendapat sokongan Jabatan Pembangunan Orang Asli (JAKOA) sejak 2007 di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan RMK-10.

Sepanjang 2007 hingga 2013, pendokumentasi TK berasaskan tumbuhan ubatan dan beraroma bagi 13 subetnik Orang Asli di Semenanjung Malaysia sudah dilaksanakan.

TK bagi dua lagi subetnik Orang Asli sedang didokumenkan tahun ini. Ada sejumlah 18 subetnik Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

Sehingga 2013, sejumlah 1,303 spesimen herbarium disediakan komuniti Orang Asli dan lebih 325 Orang Asli dilatih untuk mendokumenkan TK secara saintifik.

Seminar bertemakan 'Melestarikan Legasi Pengetahuan Tradisi' ini juga membincangkan mengenai pelbagai usaha memulihara, mengaplikasi serta merealisasikan produk berasaskan TK dengan dokongan saintifik yang kukuh serta isu-isu berkaitan perkongsian pintar.

Ketua Program Bioaktiviti FRIM, Dr Nik Musa'dah Mustapha akan membuat pembentangan usaha FRIM menilai kesahihan aplikasi spesies tumbuhan terpilih serta meneroka potensi baru tumbuhan itu untuk dikomersialkan.

Seminar ini juga akan mengemukakan penceramah pakar seperti Prof Emeritus Datuk Dr Hood Salleh dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Dr Hood akan membentangkan topik 'Pengalaman dan Pembelajaran dari Penyelidikan dan Pembangunan Orang Asli'.

Selain itu Prof Gurdial Singh Nijar dari Universiti Malaya (UM) akan membincangkan mengenai undang-undang Access and Benefit Sharing (ABS).

Seramai 200 orang peserta akan menghadiri seminar sempena Pameran Herba Malaysia (PHM) 2014 pada 23 hingga 25 Mei di PWTC.

Majlis Perasmian PHM 2014 akan disempurnakan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri G Palanivel.

Pameran ini dianjurkan oleh FRIM dengan sokongan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), JAKOA dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

Turut serta Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK), Persatuan Institut Penyelidikan Perhutanan Asia Pasifik (APAFRI), Technology Park Malaysia (TPM), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN).



MASYARAKAT Orang Asli mendengar taklimat daripada kakitangan FRIM.

**KERATAN AKHBAR**
**THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 04**
**TARIKH: 06 MEI 2014 (SELASA)**

# Dry spell, poor harvest

## 60% drop in local fruit production sees prices go up

**By P. ARUNA**
aruna@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** It is literally a less fruitful year for Malaysians with a 60% drop in local fruit production brought about by the recent dry spell.

Fruits have also become costlier with price rises of between 50 sen and 60 sen a kilo for many varieties.

The situation is not likely to get any better as the year progresses.

With the Meteorological Department forecasting another dry spell later, fruit growers are bracing for another round of poor harvests.

Malaysian Fruit Farmers Association president Hong Jok Hon said the drop in supply of fruits, including limes, guava, mangoes, papayas, watermelons and starfruit was expected to last until July before the situation returned to normal.

However, he said the drought expected between June and October might cause the harvests to be poor during the next season.

Hong said the prices of these fruits had risen by about 15% or an average of 50 cents to 60 cents per kilo, depending on the type of fruit.

Fruits usually take a longer time – between four and six months – to be harvested as compared with vegetables.

He said the production of fruits was expected to drop in May.

"In my own farm, I used to get about 7,000 to 8,000 mangoes and jackfruits a week but the number has dropped to 1,000 fruit," he said.

As for guavas, what used to be about 1,000 baskets a week had dropped to just 200 baskets.

The harvest of about six tonnes of lime had dropped to one tonne, while starfruit could not even be harvested as the fruits dropped off before they could ripen.

On prices, Hong said guava had gone up from about RM3 per kilo to RM3.50, mangoes from RM2.50 to about RM3, bananas from about RM4 to RM4.50.

Malaysia Fruit Exporters Association president Ricky Yong said the export of local fruits had dropped by up to 40% because of the dry spell. All the associations have recorded a decline in all its main exports – starfruit, durian, pineapples, papaya and jackfruit.

"Even seasonal fruit like durians are affected as the flowers dry up during the dry spell."

Federal Agricultural Marketing Authority's (Fama) Market Information Services Division senior director Dr Bisant Kaur said the supply of papayas was expected to drop even further as a disease had affected the fruit.

"We are expecting more mangoes and durians in June, but whether the fruits will stick to the tree or drop before harvest is yet to be seen," she said.

According to data from Fama, the price of starfruit had increased by 16.5% while the price of guava had gone up by nearly 15%.

Several variations of mangoes and the new dragon seedless watermelon, however, showed a drop in prices last month.

